

PENASALAN VOKAL DALAM BAHASA MELAYU STANDARD DAN DIALEK PATTANI GERIK: SATU HURAIAN PERBANDINGAN

Tajul Aripin Kassin

Abstrak

Dalam bahasa Melayu standard, proses penasalan vokal hanya berlaku secara progresif (vokal menjadi nasal apabila ia didahului oleh konsonan nasal). Sebaliknya, dalam dialek Pattani Gerik proses penasalan vokal boleh dilihat dalam dua bentuk: Penasalan vokal progresif dan penasalan vokal regresif.

Dalam penasalan vokal regresif, vokal menjadi nasal apabila diikuti oleh konsonan nasal yang menduduki posisi akhir kata (suku kata tertutup). Terdapat dua proses fonologi lagi selepas proses penasalan vokal: Konsonan nasal yang menduduki posisi akhir akan mengalami penguguran apabila vokal di sebelah kirinya terdiri daripada vokal /E/, dan konsonan nasal pada posisi akhir akan mengalami velarisasi apabila vokal di sebelah kirinya terdiri daripada vokal /i, o, u/.

Abstract

In standard Malay, vowel nasalisation only occurs in progressive form (a vowel undergoes nasalisation when it is preceded by a nasal consonant). However, in the Gerik Pattani dialect a process of vowel nasalisation can be seen in two forms: Progressive vowel nasalisation and regressive vowel nasalisation.

In regressive vowel nasalisation, vowels in final position (closed syllable) undergo nasalisation when followed by nasal consonants. There are two outcomes after the process of vowel nasalisation: Nasal consonants in final position will undergo deletion when the vowel on their left is vowel /E/, and nasal consonants in the final position will undergo velarisation when the vowels on their left are /i, o, u/.

PENDAHULUAN

Dalam makalah ini, akan diteliti perbezaan proses fonologi dari aspek vokal antara bahasa Melayu standard (BMS) dengan dialek Pattani Gerik (DPG). Berdasarkan kajian lepas, makalah ini memberi tumpuan kepada kajian Farid Onn (1980) dan Teoh Boon Seong (1994). Manakala data bagi DPG diperoleh secara intuisi penulis sendiri sebagai penutur jati.

Bukti daripada kajian yang lepas mendapati bahawa proses penasalan vokal dalam BMS hanya berlaku secara progresif, iaitu dari kiri ke kanan (Farid Onn, 1980 dan Teoh Boon Seong, 1994). Sehubungan itu, berdasarkan kajian empiris, penulis mengandaikan bahawa proses penasalan vokal dalam DPG berlaku dalam dua bentuk, iaitu secara progresif dari kiri ke kanan dan regresif iaitu dari kanan ke kiri. Secara perbandingan, bagi menjelaskan fenomena ini, andaian di atas akan dilihat dengan menggunakan pendekatan teori autosegmental dan fitur geomteri. Di samping itu, set fitur Halle (1995) digunakan dalam usaha menangani penyebaran nasal daripada fitur nasal yang ditandai [+nasal] kepada nodus lelangit lembut yang ditandai [-nasal].

BAHASA MELAYU STANDARD

Pengtlakan Umum: Penasalan Progresif

Proses penasalan merupakan salah satu proses penyesuaian dalam BMS. Dalam BMS, proses ini bersifat progresif: fitur [+nasal] daripada konsonan nasal disebarkan (mengalami penyesuaian) kepada vokal bersebelahannya. Semua vokal dalam BMS adalah berpotensi dinasalkan apabila mendahului konsonan nasal. Oleh itu, proses penasalan secara progresif dalam BMS ini adalah bersifat boleh diramal. Namun begitu, dalam kes harmoni nasal, proses penasalan vokal yang bersifat progresif ini akan terhalang penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal sekiranya konsonan opek (konsonan legap) hadir di antara dua urutan vokal. Hal ini bermakna hanya vokal pertama selepas konsonan nasal yang akan mengalami penasalan. Vokal kedua (vokal berikutnya) pula tidak akan dinasalkan kerana dihalang oleh konsonan opek tersebut. Proses penasalan vokal secara progresif dalam BMS ini hanya berlaku dalam kata dasar dan kata yang kompleks dari segi morfologi.¹ Sebaliknya proses ini tidak berlaku pada sempadan kata morfologi.² Data penasalan vokal secara progresif bagi BMS adalah seperti yang berikut:

1. Kata Dasar

- | | | |
|--------------|----------|----------|
| i. /mati/ | [mäti] | ‘mati’ |
| ii. /nampak/ | [nämpaʔ] | ‘nampak’ |

iii. taja	[taŋə]	'tanya'
iv. /ŋaŋa/	[ŋãŋə]	'nganga'

2. Kompleks dari Segi Morfologi

a. Imbuhan awalan + kata dasar

i. /məŋ-aŋkat/	[məŋãŋkat]	'mengangkat'
ii. /pəŋ-aŋkat/	[pəŋãŋkat]	'pengangkat'
iii. /pəŋ-tutop/	[pənũtop]	'penutup'
iv. /məŋ-tutop/	[məŋũtop]	'menutup'
v. /məŋ-susu/	[məŋũsu]	'menyusu'
vi. /məŋ-buat/	[məmbuwat]	'membuat'
vii. /məŋ-daki/	[məŋdaki]	'mendaki'
viii. /məŋ-gaŋgu/	[məŋgaŋgu]	'menggangu'
ix. /məŋ- tʃulek/	[məŋtʃulekʔ]	'menculik'
x. /məŋ-dʒawab/	[məŋdʒawab]	'menjawab'

b. Kata Dasar + Akhiran

i. /makan + an/	[mãkanã]	'makanan'
ii. /haroŋ + i/	[haroŋi]	'harungi'
iii. /guna + an/	[gunãʔã]	'gunaan'
iv. /ŋaŋi + an/	[ŋãŋiã]	'nyanyian'
v. /təmu + i/	[təmuwi]	'temui'

c. Imbuhan Apitan


i. /pəŋ + ulaŋ + an/	[pəŋũlaŋã]	'pengulangan'
ii. /pəŋ + aseŋ + an/	[pəŋãseŋã]	'pengasingan'
iii. /pəŋ + kilan + an/	[pəŋĩlaŋã]	'pengilangan'

Dalam data (1) di atas, didapati bahawa penyebaran nasal daripada konsonan nasal berlaku ke atas vokal bersebelahannya dan terhalang sekiranya konsonan opek berada di antara dua vokal tersebut. Dalam data (2) pula, didapati proses penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal yang berada di sebelah kiri vokal berlaku merentasi sempadan kata morfologi kompleks. Namun begitu, penyebaran fitur [+nasal] daripada velar nasal /ŋ-/ dalam imbuhan awalan /məŋ-/ dan /pəŋ-/ tidak dapat merentasi sempadan awalan sekiranya kata dasar tersebut diawali oleh obstruen bersuara /b, d, g/ dan geseran /tʃ, dʒ/, seperti dalam data (2a) (vi hingga x). Hal ini berlaku disebabkan oleh obstruen bersuara /b, d, g/ dan geseran /tʃ, dʒ/ yang mengalami proses penyesuaian berhomorgan dengan nasal velar /ŋ/ sebelum ini tidak

mengalami pengguguran seperti dalam kes obstruen tak bersuara dan geseran /s/ [lihat data (2a) (i hingga v)]. Dalam kata lain, penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal pada sempadan awalan ini terhalang kerana hadirnya konsonan opek sebelum vokal. Dalam data (2b), penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal yang menduduki posisi akhir sesuatu kata dasar boleh merentasi sempadan akhiran sekiranya imbuhan akhiran itu terdiri daripada imbuhan tanpa onset iaitu akhiran /-an/ dan akhiran /-i/. Dalam data (2c) di atas, jika tidak ada sebarang halangan daripada konsonan opek, proses penasalan vokal berlaku dalam imbuhan apitan, iaitu pada sempadan awalan dan sempadan akhiran.

Analisis


Berdasarkan kepada set fitur Halle (1995), data penasalan vokal progresif bagi BMS di atas boleh digambarkan dengan menggunakan analisis autosegmental iaitu penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal yang memiliki nodus lelangit lembut [+nasal] kepada vokal oral yang memiliki nodus lelangit lembut yang ditandai oleh [-nasal]. Dengan berpandukan set fitur Halle (1995), proses penasalan vokal secara progresif ini dalam BMS di atas dapat dirumuskan seperti di bawah.



Rumus (3) di atas menjelaskan bahawa fitur [+nasal] daripada lelangit lembut sesuatu konsonan nasal menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal yang memiliki nodus lelangit lembut [-nasal], dan menyebabkan vokal yang

berada selepas konsonan nasal (sebelah kanan konsonan nasal) dinasalkan. Walau bagaimanapun, penyebaran fitur [+nasal] secara progresif ini akan terhalang sekiranya terdapat konsonan opek hadir di antara vokal. Proses penghalangan penyebaran nasal ini dapat dilihat dalam (4) di bawah.

4. Halangan Penyebaran Fitur Nasal dalam Perkataan “mati”



Perlambangan fonetik: [māti]

Berdasarkan (4) di atas, didapati fitur nasal daripada konsonan nasal [m] menyebarkan fitur nasalnya (ditandai oleh garis putus-putus halus) kepada nodus langit lembut ditandai [-nasal] yang dimiliki oleh vokal di sebelahnya. Namun begitu, penyebaran fitur [+nasal] yang ditandai oleh garisan putus-putus kasar kepada vokal berikutnya, (iaitu vokal /i/), dihalang oleh konsonan /t/ yang memiliki nodus langit lembut [-nasal]. Halangan penyebaran fitur nasal dapat dilihat apabila garisan putus-putus kasar terhenti pada nodus langit lembut [-nasal] yang ditandai oleh dua bulatan kecil dan menyebabkan vokal /i/ tidak dapat menerima penasalan daripada konsonan nasal /m/. Oleh itu, didapati pembentukan harmoni nasal terhalang⁴.

Dalam sempadan kata morfologi (reduplikasi, kata majmuk dan sintaksis), proses penasalan vokal tidak berlaku. Contoh dalam data berikut:

5. Reduplikasi

- i. /insan-insan/ [insanʔinsan] *[insanʔinsan] ‘insan-insan’
- ii. /asam-asam/ [asamʔasam] *[asamʔasam] ‘asam-asam’

6. Kata Majmuk

- | | | | |
|------------------|--------------|---------------|---------------|
| i. /makan angin] | [mākanʔaŋin] | *[mākanʔāŋin] | ‘makan angin’ |
| ii. /sama ada/ | [samāʔada] | *[samāʔāda] | ‘sama ada’ |

7. Sintaksis

- | | |
|----------------------------------------------------------|---------------------------|
| i. /sama ada Norma atau dia/
[samāʔadanō:māʔataudija] | *[samāʔādanō:māʔātaudija] |
| ‘sama ada Norma atau dia’ | |

Data di atas menunjukkan bahawa walaupun hentian glotis yang bersifat telus kepada fitur [+nasal] hadir antara konsonan nasal dengan vokal, namun proses penasalan vokal tidak berlaku. Hal ini menunjukkan bahawa proses penasalan vokal dalam BMS hanya berlaku dalam kata dasar, sempadan awalan dan sempadan akhiran sahaja, seperti yang ditunjukkan dalam data (1 dan 2) di atas.

Harmoni Nasal

Selain itu, penyebaran fitur nasal dari konsonan nasal tidak terhad kepada vokal bersebelahan sahaja, sebaliknya fitur nasal juga boleh tersebar terus kepada urutan vokal yang dihadiri oleh geluncuran [w dan j], hentian glotis [ʔ] dan geseran glotis [h] yang tidak memiliki fitur lelangit lembut. Dengan ketiadaan fitur lelangit lembut dalam segmen di atas, urutan vokal berikutnya boleh menerima fitur nasal daripada konsonan nasal sebelumnya tanpa sebarang halangan. Dalam kata lain, geluncuran, hentian glotis dan geseran glotis yang ketiadaan fitur lelangit lembut adalah bersifat telus kepada fitur nasal. Menurut Farid Onn (1980), Teoh Boon Seong (1994), dan Kenstowicz (1994), proses penelusan fitur nasal ini dikenal sebagai harmoni nasal. Data harmoni nasal bagi BMS adalah seperti yang berikut:

8. Kata Dasar

- | | | |
|--------------|---------|----------|
| i. /main/ | [māin] | ‘main’ |
| ii. /naik/ | [nāiʔ] | ‘naik’ |
| iii. /mayan/ | [māyāŋ] | ‘mayang’ |
| iv. /mayat/ | [māyāt] | ‘mayat’ |
| v. /mahal/ | [māhāl] | ‘mahal’ |
| vi. /mewah/ | [mēwēh] | ‘mewah’ |

Harmoni nasal juga boleh dilihat pada sempadan akhiran apabila kata dasar yang bersuku kata terbuka menerima imbuhan akhiran tanpa onsets seperti

akhiran /-an/ dan akhiran /-i/. Harmoni nasal yang berlaku pada sempadan akhiran dalam BMS adalah seperti yang berikut:


9. Sempadan Akhiran

- i. /guna + an/ [gunãʔã̃n] ‘gunaan’
- ii. /ᵛaᵛi + an/ [ᵛãᵛiã̃n] ‘nyanyian’
- iii. /təmu + i/ [tə̃mũwĩ] ‘temui’

Analisis

Berdasarkan set fitur Halle, proses harmoni nasal dalam data (8 dan 9) di atas dapat digambarkan dalam gambar rajah (10) di bawah.


10. Fitur Nasal Menelusi Geseran Glotis [h]



Fitur nasal daripada konsonan nasal [m] tersebar kepada vokal [a] di sebelahnya dan seterusnya menelusi geseran glotis [h]. Kesannya, didapati vokal kedua dalam urutan vokal tersebut menjadi nasal. Penasalan vokal kedua ini berlaku disebabkan segmen geseran glotis tidak mempunyai nodus langit lembut yang boleh menjadi penghalang kepada penyebaran fitur nasal daripada konsonan nasal seperti yang digambarkan dalam gambar (4).


Selain penyebaran nasal melalui (4) dan (10) di atas, penyebaran nasal kepada vokal bersebelahan dapat juga dilihat dalam (11) dan (12) di bawah:

11. Harmoni nasal dalam BMS – Geluncuran [j] dalam Kata ‘mayat’



Perlambangan Fonetik: [mäyät]

12. Opek Harmoni Nasal dalam BMS bagi Kata ‘mati’



Perlambangan Fonetik: [mäti]

Dalam (11) di atas, konsonan nasal /m/ yang memiliki fitur [+nasal] menyebarkan fitur nasalnya secara harmoni kepada vokal berikutnya tanpa sebarang halangan kerana geluncuran [j] yang hadir di antara dua vokal tersebut tidak mempunyai nodus langit lembut yang dihubungkan dengan garisan pertautan. Sekiranya geluncuran [j] mempunyai garisan pertautan beroskuskan langit lembut, penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal akan terhalang. Proses penghalangan ini dapat dilihat dalam rajah (12), yakni fitur nasal daripada konsonan nasal /m/ dalam perkataan /mati/ tidak dapat menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal kedua (vokal berikutnya) kerana konsonan /t/ yang hadir sebelum vokal kedua memiliki nodus langit lembut [-nasal] yang dihubungkan dengan garisan pertautan. Dengan adanya garisan pertautan beroskuskan langit lembut, penyebaran fitur nasal daripada konsonan nasal /m/ terhalang dan menyebabkan vokal kedua tidak menerima fitur nasal. Oleh itu, dalam kes ini, harmoni nasal tidak berlaku.

Dialek Pattani Gerik

Dalam DPG, proses penasalan vokal bersifat progresif juga dapat dilihat dalam kata dasar, sempadan awalan dan sempadan akhiran. Proses penasalan vokal secara progresif dalam DPG ini adalah sama dengan proses penasalan vokal secara progresif yang telah diperlihatkan dalam BMS di atas.⁵ Oleh itu, rumus penasalan vokal progresif dan bentuk analisis penasalan vokal secara progresif bagi DPG bolehlah dirujuki rajah 3, 4, 10, 11 dan 12 di atas. Berikut diberikan contoh kata dasar dan kata morfologi kompleks⁶ (awalan velar nasal /ŋ/ + kata dasar dan kata dasar + akhiran /-en/ dan akhiran /-i/) yang mengalami penasalan vokal secara progresif.

13. Kata Dasar


i.	/mati/	[mãti]	'mati'
ii.	/nampak/	[nãpɔʔ]	'nampak'
iii.	/tanjɔ /	[tãŋɔ]	'tanya'
iv.	/ŋaŋɔ/	[ŋãŋɔ]	'nganga'

14. Imbuhan Awalan + Kata Dasar

i.	/ŋ - akat/	[Nãkaʔ]	'mengangkat'
ii.	/ŋ - ikot/	[ŋĩkɔʔ]	'mengikut'
iii.	/ŋ - pukol/	[mmũko:]	'memukul'
iv.	/ŋ - takap/	[nnãkaʔ]	'menangkap'
v.	/ŋ - kutep/	[ŋŋũteʔ]	'mengutip'
vi.	/ŋ - buat/	[bbuwaʔ]	'membuat'
vii.	/ŋ - daki/	[ddaki]	'mendaki'
viii.	/ŋ - gayu/	[ggayu]	'menggaru'


Dalam DPG, proses penyesuaian titik artikulasi boleh dilihat dalam dua bentuk: Pertamanya, penyesuaian menyeluruh regresif (daripada kiri ke kanan) dan keduanya penyesuaian menyeluruh progresif (daripada kanan ke kiri). Dalam kes penyesuaian menyeluruh regresif, awalan velar nasal /ŋ/ bersesuaian secara regresif dengan kata dasar yang diawali oleh obstruen bersuara /b, d, g/ (lihat data 14 (vi – viii)) . Kesannya, kita dapati konsonan panjang (gugusan KK) berlaku seperti [bb], [dd] dan [gg]. Dalam kes penyesuaian menyeluruh regresif ini, proses penasalan vokal tidak berlaku pada sempadan awalan. Berdasarkan kepada set fitur Halle (1995), proses penyesuaian menyeluruh regresif dapat dirumuskan seperti yang berikut:

15. Rumus Penyesuaian Menyeluruh Regresif dalam DPG



Dalam rumus penyesuaian menyeluruh regresif (15) di atas, gambar rajah menjelaskan bahawa obstruen [+bersuara] bersesuaian dengan konsonan nasal velar /ŋ/ secara regresif. Nodus akar obstruen dihubungkan dengan gatra X awalan velar nasal /ŋ/, dan serentak dengan itu menggugurkan kesemua fitur asal /ŋ/ dengan memutuskan garisan pertautannya daripada gatra X. Kesan pemutusan garis pertautan tersebut, pemanjangan konsonan (gugusan KK) berlaku kerana kedua-dua gatra X dihubungkan pada nodus akar yang sama seperti yang digambarkan dalam rajah (16) di bawah.

16. Rumus Penyesuaian Menyeluruh Regresif dalam DPG




Analisis

Dalam DPG, penyebaran fitur nasal daripada awalan nasal velar /ŋ/ berlaku pada sempadan awalan seperti dalam data (14). Namun begitu, sebelum proses penasalan vokal berlaku, proses penyesuaian separa regresif berlaku terlebih dahulu sebelum Penyesuaian Menyeluruh Progresif [lihat data 14 (iii -v)] (Tajul Aripin, 1996). Ini bermakna awalan velar nasal /ŋ/ bersesuaian dengan obstruen tak bersuara /p, t, k/ (konsonan di sebelahnya) dengan mengambil semua fitur jirannya dan kemudian menggugurkan pula semua fitur yang dimilikinya. Selepas proses penyesuaian separa regresif, barulah penyesuaian menyeluruh progresif berlaku. Kenstowicz (1994: 153) mengatakan bahawa dalam penyesuaian menyeluruh, fitur mesti bersesuaian: secara konsonan, bersuara, berartikulasi, bernal dan sebagainya. Ekoran itu, didapati konsonan panjang nasal [mm], [nm] dan [ŋŋ] terjadi. Dalam kes ini, penasalan vokal berlaku pada sempadan awalan selepas proses penyesuaian menyeluruh secara progresif. Oleh itu, proses fonologi bagi data [14 (iii - v)] dapatlah dirumuskan secara kronologi seperti rajah (17) di bawah.


17.	Perkataan /ŋ - pukol/[mmūko:]	'memukul'
	Penyesuaian separa regresif	mpukol
	Penyesuaian menyeluruh progresif	mmukol
	Penasalan vokal progresif	mmūkol
	Pengguguran fonem 'l'	mmūko:
	Output	[mmūko:]

Proses penyesuaian (17) di atas dapat dirumuskan dalam rajah pohon seperti dalam rajah (18) berikut:

18a.




18b.



Dalam rumus penyesuaian menyeluruh progresif di atas, gambar rajah (18a) menjelaskan bahawa penyesuaian titik artikulasi berlaku apabila obstruen tak bersuara /p, t, k/ bersesuaian dengan nasal velar /ŋ/. Selepas itu, nasal velar /ŋ/ memutuskan garisan pertautan titik artikulasinya daripada nodus akar dan menyebabkan konsonan nasal berkongsi titik artikulasi dengan konsonan jirannya. Seterusnya diikuti pula oleh penyesuaian peringkat kedua [lihat data (18b)], iaitu penasalan vokal progresif (penyesuaian nasal) yakni fitur [+nasal] daripada konsonan nasal bersesuaian dengan fitur [-nasal] yang dimiliki oleh obstruen tak bersuara pada nodus lengkit lembut. Serentak dengan itu, garisan pertautan fitur [-nasal] dan fitur [-bersuara] yang dimiliki oleh obstruen tak bersuara digugurkan daripada nodus lengkit lembutnya. Dengan itu, kedua-dua konsonan tersebut berkongsi fitur [+nasal] dan seterusnya memperlihatkan pemanjangan konsonan nasal seperti yang diperlihatkan dalam (18c) di bawah.

Dengan berlakunya pemanjangan konsonan nasal pada sempadan awalan, vokal yang mengikutinya diramal menjadi nasal. Proses penasalan vokal dalam DPG pada sempadan awalan ini sama dengan proses penasalan vokal yang kita lihat dalam BMS. Oleh itu, untuk melihat analisis penasalan vokal secara progresif bagi DPG rujuk (4) di atas.

18c.



PENGITLAKAN UMUM: PENASALAN VOKAL REGRESIF

Kata Dasar

Penasalan vokal secara regresif tidak berlaku dalam BMS (lihat Farid, 1980 dan Teoh Boon Seong, 1994), sebaliknya proses ini boleh dilihat dalam DPG. Penasalan vokal regresif bermaksud penyebaran nasal daripada konsonan nasal kepada vokal sebelumnya iaitu bersifat mengundur dari kanan ke kiri. Proses ini hanya berlaku pada vokal akhir /ε/ yang diikuti oleh konsonan nasal bagi suku kata tertutup. Dalam DPG, proses ini boleh berlaku dalam kata dasar dan juga dalam kata morfologi kompleks (kata dasar yang diimbuhkan dengan akhiran /-εn/ dan /-ken/). Yang menarik, semua segmen nasal yang menduduki posisi akhir sesuatu perkataan itu akan mengalami proses pengguguran selepas proses penyebaran nasal secara regresif pada vokal /ε/ sebelumnya. Pengguguran konsonan nasal ini hanyalah berlaku pada tingkat melodi sahaja dan bukannya pada tingkat akar. Berikut disertakan beberapa contoh penasalan vokal secara regresif yang berlaku dalam DPG.

19. Penasalan Vokal Regresif dalam Kata Dasar

/malem/	[mālĕ]	'malam'
/hitem/	[hitĕ]	'hitam'
/gayen/	[gayĕ]	'garang'
/tulen/	[tulĕ]	'tulen'
/dzalen/	[dzalĕ]	'jalan'
/maken/	[mākĕ]	'makan'

Namun begitu, sekiranya vokal /i, u, o/ berada pada posisi akhir kata sebelum konsonan nasal dalam suku kata tertutup, regresif penasalan vokal berlaku tanpa pengguguran konsonan nasal. Yang menarik, semua konsonan nasal pada posisi akhir kata akan mengalami velarisasi. Hal ini bermakna konsonan nasal /m/ dan /n/ menjadi velar /ŋ/ pada posisi akhir kata selepas menyebarkan fitur nasalnya pada vokal sebelumnya secara regresif. Contohnya dalam data (20) di bawah.

20. Penasalan Vokal Regresif dalam Kata Dasar

/kəyŋ/	[kəyĭŋ]	'kering'
/dzəyŋ/	[dzəyĭŋ]	'jering'
/hakim/	[hakĭŋ]	'hakim'
/kasim/	[kasĭŋ]	'Kasim'
/tʃəymin/	[tʃəyĕmĭŋ]	'cermin'
/bəysin/	[bəyəsĭŋ]	'bersin'
/taun/	[taʔũŋ]	'taun'
/tʃium/	[tʃijũŋ]	'cium'
/kuyon/	[kuyõŋ]	'kurung'
/tolon/	[tolõŋ]	'tolong'
/kaom/	[kaõŋ]	'kaum'
/bəlom/	[bəlõŋ]	'belum'
/tahon/	[tahõŋ]	'tahun'
/pohon/	[pohõŋ]	'pohon'

Kata Morfologi Kompleks

Dalam DPG, penasalan regresif juga boleh dilihat apabila kata dasar diimbuhkan dengan akhiran /-en/ dan /-ken/. Hal ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

21. Kata Dasar + Akhiran /-en/

/dalem + en/	[dalĕmĕ]	'dalaman'
/maken + en/	[makĕnĕ]	'makanan'

/pəgeŋ + ən/ [pəgẽŋẽ] ‘pegangan’

22. Kata Dasar + Akhiran /-ken/


/tajẽm + ken/ [tajẽkẽ] ‘tajamkan’
 /təkẽn + ken/ [təkẽkẽ] ‘tekanan’
 /sajẽŋ + ken/ [sajẽkẽ] ‘sayangkan’

Dalam kes tertentu, konsonan nasal pada posisi akhir sesuatu kata dasar tidak mengalami proses pengguguran. Sebaliknya, konsonan nasal tersebut mengalami resilabifikasi iaitu menjadi onset kepada akhiran tanpa onset /-ən/. Hal ini dapat dilihat apabila kata dasar yang diakhiri oleh konsonan nasal menerima akhiran /-ən/ seperti dalam contoh (21). Sebaliknya, jika kata dasar yang diakhiri oleh konsonan nasal menerima akhiran /ken/, konsonan nasal akan mengalami pengguguran melodi dan tidak mengalami resilabifikasi. Hal ini demikian kerana akhiran /ken/ sudah memiliki konsonan /k/ sebagai onset (lihat data 22).

Analisis

Untuk menunjukkan proses penasalan vokal secara regresif dalam DPG bagi data (19) dan (20) di atas, saya mencadangkan rumus penasalan vokal regresif adalah seperti dalam rajah (23) di bawah. Rumus ini juga meng-


23. Rumus Penasalan Vokal Regresif DPG




huraikan kesan debukalisasi⁸ yang berlaku pada konsonan nasal /m, n, ŋ/ di posisi akhir suatu kata.

Dalam gambar rajah (23 dan 24), didapati bahawa dalam DPG, konsonan nasal [ŋ] yang berada pada posisi akhir dalam kata dasar /bajɛŋ/ menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal /ɛ/ di sebelah kirinya. Namun begitu, penyebaran fitur [+nasal] tidak boleh menembusi segmen [j] bagi melahirkan nasal harmoni seperti yang berlaku dalam penasalan vokal secara progresif. Kegagalan fitur [+nasal] menembusi geluncuran [j] secara regresif bolehlah disifatkan sebagai kekangan setempat (lihat Teoh Boon Seong, 1994).

24. Penasalan Regresif bagi Perkataan /bajɛŋ/ → [bayɛ̃]
 'bayang'



25. Pengguguran Nasal




Perlambangan Fonetik: [bayɛ̃]


Berdasarkan data (21), konsonan nasal pada posisi akhir sesuatu kata dasar akan mengalami resilabifikasi apabila diimbuhkan dengan akhiran tanpa onsets, iaitu akhiran /-en/. Sebaliknya dalam data (22), jika diimbuhkan dengan akhiran /-kən/, konsonan nasal pada posisi akhir dalam kata dasar akan mengalami pengguguran selepas berlakunya proses penasalan vokal secara regresif. Menurut Clement dan Kayser (1983) proses resilabifikasi ini berlaku kerana tertakluk kepada prinsip onsets pertama.

Proses resilabifikasi di atas boleh digambarkan dengan menggunakan teori autosegmental seperti (26).


26a.




26b. Penyebaran Nasal



26c. Pengguguran Nasal



26d. Resilabifikasi




Perlambangan Fonetik: [mā.kē.nē]

Dalam rajah (26) di atas, konsonan nasal /n/ yang menduduki posisi akhir dalam kata dasar dan akhiran /-en/ dalam perkataan /maken + en/ menyebarkan fitur [+nasal] pada vokal /ε/ di sebelah kirinya. Selepas itu, konsonan nasal /n/ dalam kata dasar /maken/ dihubungkan pada gatra x kosong (tingkat skeletal), iaitu gatra onsets /-en/. Dengan itu, didapati konsonan nasal /n/ memiliki dua gatra x yang dihubungkan secara bercabang. Garis hubung pertamanya (sebelah kiri) dihubungkan pada gatra koda dan garis hubung keduanya (sebelah kanan) dihubungkan pada gatra onsets bagi akhiran /-en/ dan serentak dengan itu memutuskan garisan pertautannya daripada gatra koda. Kesan daripada proses pertautan dan pengguguran garis hubung pada gatra koda menyebabkan konsonan nasal /n/ menjadi onsets kepada suku kata berikutnya yang dikenal sebagai resilabifikasi (lihat 26d). Konsonan nasal /n/ bagi akhiran /-en/ mengalami pengguguran selepas menyebarkan fitur nasalnya pada vokal /ε/ di sebelah kirinya (lihat 26b dan 26c). Hal ini berlaku disebabkan oleh konsonan nasal pada akhir kata yang hadir selepas vokal /ε/ tidak dibenarkan hadir dalam bentuk permukaan dalam DPG dan konsonan nasal mesti digugurkan selepas konsonan tersebut menyebarkan fitur nasalnya pada vokal /ε/ di sebelah kirinya.


Dengan kata lain, penyebaran fitur [+nasal] pada vokal /e/ secara regresif daripada konsonan nasal yang menduduki posisi akhir kata berlaku terlebih dahulu sebelum berlakunya proses pengguguran konsonan nasal.

Namun begitu, analisis penasalan vokal bagi data (20) di atas berbeza daripada analisis penasalan vokal bagi data (19). Dalam data (20), penyebaran fitur [+nasal] secara regresif tanpa pengguguran konsonan nasal adalah seperti dalam (27) di bawah.


27a.



27b. Penyebaran Nasal



27c. Velarisasi Nasal



Dalam (27) di atas, konsonan nasal /n/ menyebarkan fitur [+nasal] kepada vokal /o/ secara regresif. Selepas menyebarkan fitur [+nasal], konsonan nasal /n/ mengalami proses velarisasi nasal, iaitu menjadi velar nasal /ŋ/.

KESIMPULAN

Proses penasalan vokal dalam BMS hanya berlaku secara progresif. Dalam proses penasalan vokal ini, fitur nasal tidak akan menembusi konsonan opek dan menyebabkan harmoni nasal tidak berlaku. Sebaliknya, fitur nasal menembusi geluncuran [w] dan [y], hentian glotis [ʔ] dan hentian geseran [h] dan menyebabkan harmoni nasal berlaku.

Proses penasalan vokal secara progresif dalam DPG sama dengan proses penasalan vokal dalam BMS, iaitu fitur [+nasal] tidak menembusi konsonan opek, dan hanya menembusi geluncuran w dan y, hentian glotis [ʔ] dan hentian geseran h bagi membentuk harmoni nasal. Dalam DPG, apabila sesuatu kata dasar yang diawali oleh obstruen tak bersuara /p, t, k/ menerima awalan velar nasal /ŋ/, proses penasalan vokal progresif yang berlaku pada sempadan awalan, berlaku selepas proses penyesuaian separa regresif dan proses penyesuaian menyeluruh progresif. Namun begitu, yang menarik dalam DPG, proses penasalan vokal bukan sahaja dapat dilihat dari sudut progresif, malah dapat dilihat dari sudut regresif, yakni proses yang tidak berlaku dalam BMS. Proses penasalan vokal secara regresif ini hanya berlaku pada vokal akhir sesuatu kata dasar bagi suku kata tertutup yang diakhiri oleh konsonan nasal dan sesuatu kata dasar yang menerima akhiran /-en/ dan akhiran /ken/. Dalam suku kata tertutup, jika vokal /ɛ/ menduduki posisi akhir kata, yakni sebelum konsonan nasal, konsonan nasal akan gugur selepas menyebarkan fitur nasalnya pada vokal /ɛ/. Sebaliknya, jika vokal /i, u, o/ menduduki posisi akhir kata bagi suku kata tertutup yang diakhiri oleh konsonan nasal, konsonan nasal tidak mengalami pengguguran selepas menyebarkan fitur nasalnya pada vokal sebelah kirinya. Di samping itu, konsonan nasal /m, n/ yang menduduki posisi akhir kata akan mengalami velarisasi selepas proses penasalan vokal secara regresif.

Dalam DPG, proses resilabifikasi akan berlaku apabila sesuatu kata dasar bersuku kata tertutup diimbuhkan dengan akhiran /-en/. Proses ini berlaku selepas proses penyebaran fitur [+nasal] secara regresif.

NOTA

- 1 Morfologi kompleks merujuk kepada kata dasar yang menerima imbuhan, sama ada imbuhan awalan, imbuhan akhiran atau imbuhan apitan.
- 2 Kata morfologi merujuk kepada reduplikasi, kata majmuk dan sintaksis.
- 3 Kehadiran hentian glotis, geseran glotis dan geluncuran dalam urutan vokal adalah bersifat telus yakni fitur [+nasal] daripada konsonan nasal boleh menembusi segmen ini dan menyebabkan vokal nasal kedua dalam urutan vokal tersebut menjadi nasal.
- 4 Walaupun andaian mengatakan proses penasalan vokal secara progresif dalam DPG dan BMS sama tetapi tatabahasa kedua-dua bahasa tersebut berbeza.
- 5 Dalam DPG, saya menganggap imbuhan awalan /pəŋ-/ merupakan imbuhan awalan pinjaman daripada bahasa Melayu standard (BMS) seperti dalam perkataan /pəŋ-tutop/ [pənūto/]. Dalam DPG, perkataan /pəŋ-tutop/ [pənūto/] ini disebut sebagai /alat/ /tutup/ [ala/tuto/]. Oleh itu, makalah ini tidak akan memberi tumpuan kepada proses penasalan vokal pada sempadan awalan pinjaman ini.
- 6 Dalam DPG, awalan yang mendasari /ŋ-/ yang berfungsi sebagai kata kerja digunakan. Justifikasi mengandaikan awalan velar /ŋ-/ kerana apabila awalan ini diimbuhkan pada kata dasar yang diawali vokal, velar nasal tersebut akan menjadi onset secara *default* kepada vokal berikutnya.
- 7 Sebarang bentuk proses fonologi, segmen konsonan mengalami kehilangan artikulasi oralnya.
8. Dalam bentuk proses fonologi, segmen konsonan mengalami kehilangan artikulasi oral.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1977. *The Phonological Diversity of the Malay Dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, *Susur Galur Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clements, G.N., dan Keyser, S.J., 1983. *CV Phonology*. Cambridge, Massachusetts, London: The MIT Press.
- Collins, J. T., 1984. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid. M. Onn , 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goldsmith, John, A., 1995. *The Handbook of Phonological Theory* (ed.), Cambridge, Mass: Blackwell.
- Halle, Morris, 1995. "Feature Geometry and Feature Spreading", dlm. *Linguistic Inquiry* 26.1: 1-46.
- Harris, J., 1994. *English Sound Structure*. Oxford dan Cambridge: Blackwell.
- Kenstowicz, M., 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Oxford: Blackwell.
- Kroeger, P. R., 1988. Sonority, "Strength, and the Malayo-Javanic Nasal Prefixes", Disertasi Ph.D., Stanford University.
- Queljoe, D. H., 1971. *A Preliminary Study of Some Phonetics Features of Petani*

- with Glossaries*. Illinois: Illinois University.
- Roca, I., 1994. *Generative Phonology*. London: Routledge.
- Sagey, E., 1988. "On the ill-formedness of Crossing Association Lines", dlm *Linguistic Inquiry* 19: 109–118.
- Spencer, A., 1996. *Phonology: Theory and Description*. Oxford: Blackwell.
- Tajul Aripin Kassin, 1996. "Assimilation Phenomena in Malay Dialects: Comparative Account", Tesis MA, University of Essex.
- Tajul Aripin Kassin, 2000. "The Phonological Word in Standard Malay", Tesis Ph.D.: University of Newcastle upon Tyne.
- Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaharani Ahmad, 1991. *The Phonology and Morphology of the Perak Dialect*. Kuala Lumpur.
- Zaharani Ahmad, 1998. "Phonology and Morphology Interface in Malay an Optimality Theoretic Account", Disertasi Ph.D., Department of Language and Linguistics: University of Essex at Colchester.